

Uchapan Y.B. Menteri Pelajaran,  
Inche Hussein Onn, di-Majlis Hari  
Uchapan, Sekolah Raja Perempuan,  
Jalan Batu Bungkal, Ipoh pada 6hb  
Julai, 1972 Jam : 4.00 petang.

*Uchapan : ADHO*  
*540*  
*159/80*

Saya dan isteri berasa besar hati kerana  
telah di-<sup>*jemput*</sup>~~undang~~ oleh Ahli2 Jemaah Pengelola, Guru  
Besar, Guru2 dan penuntut2 sekalian untok hadhir di-  
Majlis Hari Uchapan, Sekolah Raja Perempuan Ipoh,  
Perak pada petang ini.

Sekolah ~~Raja Perempuan~~ <sup>*ini*</sup> mempunyai sejarah  
yang agak lama, ia-itu bermula dengan sabuah kelas  
darjah satu di-Sekolah Anderson, Ipoh pada tahun 1951,  
dan semenjak itu hingga hari ini telah menchapai  
banyak kemajuan dan perubahan di-bidang pelajaran.  
Kepada semua pehak yang telah menjayakan usaha mulia  
ini hingga dapat kejayaan saperti yang kita lihat pada  
hari ini, saya ucapkan ~~shabas~~ <sup>*terima*</sup> dan berharap akan terus  
memberikan sumbangan untok kemajuan pelajaran anak2  
kita sekalian.

Di-Malaysia, seperti di-negara2 lain yang sedang membangun, kesedaran mengenai tenaga manusia yang sapenoh-nya, ada-lah sebagai satu chabaran asas dalam pembangunan negara. Rancangan Malaysia yang Kedua mempunyai tujuan2 tertentu, ia-itu untuk mengurangkan kemiskinan dan membentok sa-mula masharakat Malaysia dan membetulkan persaiimbangan ekonomi antara raayat berbilang bangsa, ~~agama dan kebudayaan~~. Dalam rancangan itu ada-lah jelas bahawa pengluasan ekonomi di-jalankan dengan berhati2 bagi mengadakan pekerjaan, yang munafaat, ia-itu untuk murid2 yang meninggalkan bangku sekolah dari semasa ka-semasa. Dengan demikian, sistem persekolahan dan latehan di-negara kita ini terpaksa disusun dengan sewajar-nya supaya dapat menambah penerimaan murid2 itu dan juga mengeluarkan bilangan pegawai2 dan pekerja2 yang mahir yang perlu bagi melaksanakan dasar ekonomi kita yang baru itu.

Dalam hubungan ini, Kementerian Pelajaran mempunyai satu tanggung-jawab yang besar, kerana pelajaran

ada-lah satu alat yang akan menjadikan satu masharakat yang bersatu-padu dan menyemaikan kesedaran terhadap Sains dan Teknologi dengan harapan semoga jenerasi muda kita sapenoh2-nya mengetahui betapa mustahak aktiviti teknik dan industri. Maka dengan ini, pemuda-pemudi akan dapat di-bentok untok memainkan peranan mereka sebagai raayat yang berguna, kreatif dan produktif bagi masa hadapan. Oleh itu nyata-lah pada kita bahawa pelajaran memainkan beberapa peranan yang penting, dan yang amat mustahak, ia-lah menjelaskan tujuan2 ranchangan kepada perkara2 yang sabenar.

Semangat mahu menchipta hendak-lah di-jadikan satu asas kepada pelajaran, tetapi biasa-nya di-dapati perbezaan di-antara keinginan mengenai perpaduan yang sama dengan keberanian menjalankan Rombak-chiptaan. Kaji-Uji dalam pelajaran ada-lah biasa-nya menjadi satu impian dan kerap-kali manusia keselurohan-nya lebeh suka berpuas hati sebanyak yang ada dan yang di-perolehi-nya

sahaja. Tindakan Kementerian Pelajaran ketika ini ialah membena 10 buah lagi sekolah ber-asrama penuh, di mana sebahagian besar akan di-utamakan untuk pelajaran sains, hisab dan teknologi, dan ini adalah satu ujian yang akan memberi satu keputusan sama-ada Rombak-chipta yang diranchangkan itu, memberi sebarang jawapan yang sewajarnya kepada tujuan2 asas untuk membentok samula masharakat Malaysia.

Ada-lah di-tegaskan di-sini bahawa pelajaran tidak boleh di-jalankan berasingan dari masalah2 dan kemahuan2 masharakat. Sa-sabuah negara itu, tidak berupaya memberi pelajaran tinggi kepada penduduk2-nya tanpa pekerjaan. Pada masa sekarang, pelajaran sains dan teknologi mempunyai konsep yang tinggi nilai-nya, maka kesedaran ini harus-lah di-sematkan kepada anak2 kita sekalian, dan ada-lah sangat jelas dalam chara Kementerian Pelajaran merombak-chipta bidang pelajaran mengenai sains dan teknologi, ia-itu dengan mengadakan pelajaran sains yang bermutu

tinggi dalam semua sekolah tanpa mengira di-mana letak-nya sekolah2 itu sekali pun di-desa, dan di-kawasan2 luar bandar yang lain; dan ini suka saya tegaskan sekali lagi, sangat-lah di-ingini oleh anak2 kita. Dengan adanya tanda2 saperti ini, maka beberapa mata pelajaran, termasuk pelajaran vokeshenal, telah di-semak, dan tegasan sewajar-nya telah di-beri kepada kerja2 praktikal dalam bidang pelajaran vokeshenal.

Upto here  
in Malay.

---



Saya tertarek hati dengan ucapan Guru Besar yang telah mengatakan kegiatan, kemajuan dan perkembangan pelajaran anak2 kita di-sekolah ini, semenjak di-bentok hingga-lah ka-hari ini. Saya perchaya, kejayaan ini telah di-chapai oleh kerana ada-nya kerjasama yang begitu erat dari Ahli2 Jemaah Pengelola, Guru2, Ibu2 Bapa dan penuntut2 sendiri. Kepada guru2, saya berharap mereka akan memberikan segala pimpinan dan asohan serta dedikasi mereka kepada kemajuan pelajaran anak2 kita, sama-ada mereka mengajar penuntut2 perempuan mahu pun penuntut2 lelaki.

E.

Pada hari yang berbahagia ini, saya suka memberi tahu bahawa Kementerian Pelajaran pada masa ini, *adalah* ~~ia-lah~~ di-dalam proses membena satu blok bangunan dua tingkat, yang meliputi empat bilek darjah, sebuah perpustakaan, ~~dua~~ *tiga* makmal sains tulen ~~dan~~ dua makmal sains rumah tangga, dan projek ini di-jangka menelan belanja lebih kurang 193 ribu ringgit. Satu lagi berita yang baik bagi sekolah ini, terutama-nya penuntut<sup>2</sup> yang ingin dudok di-asrama, ~~bahawa~~ *ialah* pada tahun 1973, Kementerian Pelajaran akan membena sebuah asrama yang berharga lebih dari 100 ribu ringgit. ~~Tetapi saya berasa dukachita bahawa~~ permintaan Ahli<sup>2</sup> Jemaah Pengelola dan Guru<sup>2</sup> sekalian untuk mendapatkan sebuah dewan ~~belum-lah dapat kita penohi,~~ *di-* ~~walaupun~~ ~~macham~~ ~~mana~~ ~~pun~~ ~~perkara~~ ~~ini~~ akan ~~saya~~ *kaji* dan permohonan<sup>2</sup> yang lain ~~juga~~ *juga* ~~akan~~ *di-* ~~saya~~ *pertimbangkan*. ~~Namun demikian~~ ~~suka-lah~~ ~~saya~~ ~~mengingatkan~~ ~~kepada~~ ~~para~~ ~~hadzirin~~ ~~sekalian~~ ~~bahawa~~ ~~ada~~ ~~perkara~~<sup>2</sup> ~~yang~~ ~~lebih~~ ~~mustahak~~ ~~di-~~ ~~jalankan~~ ~~terlebeh~~ ~~dahulu~~ ~~dan~~ ~~tiap~~<sup>2</sup> ~~satu~~ ~~projek~~ ~~yang~~ ~~di-~~

~~atorkan oleh Kementerian Pelajaran akan di-laksanakan mengikut keperluan dan giliran-nya ia-itu yang lebeh mustahak akan di-jalankan terlebih dahulu.~~

Akhir kata, saya ucapkan terima kaseh kepada semua pihak yang menjayakan Hari Uchapan ini, dan juga kepada mereka yang menerima hadiah pada petang ini, <sup>saya</sup> ~~di-~~ ucapkan tahniah. <sup>semua</sup> ~~dan~~ kepada/penuntut2/<sup>saya menasihatkan</sup> ~~yang lain~~ belajarlah bersungguh2 <sup>sehingga tercapai-nya kejayaan</sup> supaya mereka juga akan dapat menerima <sup>demikian penting</sup> ~~hadiah pada tahun2 yang akan datang.~~ <sup>kepentingan</sup> ~~kepentingan~~ <sup>kepentingan negara.</sup>



~~storian oleh Kementerian Pelajaran akan di-Jakansakan  
menyikut keperluan dan gilirannya ia itu yang lebih  
mestahak akan di-Jakansakan terlebih dahulu.~~

~~Amir kata, saya ucapkan terima kasih kepada  
semua pihak yang menjayakan Hari Ulangan ini, dan juga  
kepada mereka yang menerima hadiah pada petang ini. Ia  
adalah sebagai tanda penghargaan kepada penuntut-penuntut yang telah belajar-  
lah berungguh. Saya merasa juga akan dapat menerima  
hadiah pada tahun yang akan datang.~~



No Siri ..... 117  
No Penerimaan ..... 08/117